

**سور او الفرقان**

**TAMAN SEKAMAT KAJANG**

**LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN**

**DARI 1HB JUN 2013 HINGGA 31HB MEI 2014**

## LAPORAN AKTIVITI SURAU SESI 6/2013 – 6/2016

### 1. MESYUARAT AGONG TAHUNAN SURAU AL-FURQAN BERAKHIR PADA 31 MEI 2013

Mesyuarat Agung Tahunan Surau Al-Furqan yang berakhir pada 31 Mei 2013 telah diadakan pada 8hb Jun 2013. Mesyuarat Agung ini telah dihadiri oleh 49 ahli Qariah Taman Sekamat bagi melantikan Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 6/2013 hingga 5/2016. Mesyuarat Agung ini telah dipengerusikan oleh Tn Hj Noradzmi Bin Hj Nordin, Nazir Masjid Sg Sekamat.

Senarai Ahli Jawatankuasa Surau Al-Furqan Taman Sekamat bagi sesi 2013-2016 adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Hj Othman Bin Ahmad
Imam	:	Hj Kamaluddin Bin Sulaiman
Bilal	:	En Ahmad Bin Suntong
Siak	:	Hj Taib Bin Zainal
Setiausaha	:	Hj Md Hasim Bin Sani
Bendahari	:	Hj Dr Megat Mohamad Hamdan Bin Megat Ahmad
Wakil Pemuda	:	En Azizi Bin Mohamed
Wakil Muslimat	:	Hjh Rokiah Binti Mohamed Hjh Maedah Binti Baharom
AJK 1	:	Hj Mohd Din Bin Deraman
AJK2	:	Hj Abdul Rahim Bin Manan
AJK3	:	Hj Hamidon Bin Abdul Jalal
AJK4	:	Hj Fa'eeq Bin Ahmad
Pemeriksa Kira-kira I	:	En Mohd Shawal Nasrul Bin Abu
Pemeriksa Kira-kira II	:	Ust Ahmad Fakhrurrazi Bin Mohamed Zabidi

Dari perlantikan AJK-AJK di atas, Tiga Biro telah diwujudkan bagi melancarkan pentadbiran Surau. Biro-biro berkenaan adalah seperti berikut:

#### i. **Biro Pembangunan dan Pengurusan Harta**

Tn Hj Fa'eeq Bin Ahmad telah diberi amanah untuk menjalankan tanggungjawab di biro ini. Diantara tugas utama biro ini adalah untuk memastikan keadaan fizikal Surau Al Furqan sentiasa berkeadaan baik dari sebarang kerosakan.

#### ii. **Biro Dakwah dan Kebajikan**

Biro ini di ketuai oleh Tn Hj Hamidon Bin Abdul Jalal dan dibantu oleh Tn Hj Mohd Din Bin Deraman. Diantara tugas utama biro ini adalah mengaturkan program ilmu termasuk penjadualan kelas pengajian bulanan di surau ini.

iii. **Biro Jamuan dan Keraian**

Tn Hj Abdul Rahim Bin Manan telah diberi amanah untuk menguruskan semua keperluan penyediaan makanan dan minuman bagi sebarang program yang dijalankan di Surau Al-Furqan. Walaubagaimanapun, Tn Hj Abdul Rahim telah meletak jawatan pada 10hb November 2013.

AJK-AJK lain yang telah meletak jawatan adalah:

- a- En Mohd Syawal Nasrul Bin Abu – Pemeriksa Kira-Kira I (1hb Januari 2014)
- b- Ust. Ahmad Fakhurrrazi Bin Mohammed Zabidi- Pemeriksa Kira-Kira II (20hb Februari 2014)

**2. PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMBANGUNAN SURAU BARU AL-FURQAN**

Diantara tindakan awal yang telah diambil oleh Ahli Jawatankuasa Surau Al-Furqan sesi 2013-2016 ialah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi pengurusan Pembangunan Surau Baru Al-Furqan. Tindakan segera ini diambil bagi tujuan untuk segera mengerakkan aktiviti pembinaan Surau baru ini setelah mengambilkira kelewatan yang berlaku dari tarikh ianya mula dicadangkan. Kerja-kerja menggerakkan aktiviti-aktiviti pembangunan Surau Baru ini adalah bagi menyambung usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Ahli Jawatankuasa terdahulu.

Ahli Jawatankuasa Teknikal yang dilantik adalah juga dari kalangan ahli Qariah Taman Sekamat yang mempunyai latar belakang pengetahuan serta pengalaman dalam bidang berkaitan dengan pembangunan. Ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah seperti berikut:

Pengerusi : Hj Othman Ahmad  
Ahli : Hj Hussain Bin Yaacob  
Datin Hjh Kamsiah Bt Ibrahim  
Hj Ir Ahmad Azlan Bin Ahmad  
En Ahmad Bin Suntong  
Hj Samsudin Bin Mahasan  
Hj Roslan Bin Kasim  
Hj Mohamad Salleh Bin Talib  
Hj Kamaludin Sulaiman  
Hj Md Hasim Bin Sani

Diantara tugas utama Ahli Jawatankuasa Teknikal adalah bertanggungjawab untuk merancang, merekabentuk dan seterusnya membangunkan Surau Baru Al-Furqan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

### **3. PROGRAM SAMBUTAN MALAM NISFU SYAABAN**

Program ini telah diadakan pada 23hb Jun 2013 bersamaan 15hb Syaaban 1434H. Pada program kali ini, pengisian dibuat dengan ceramah agama yang telah disampaikan oleh Ustaz Hj Hanafi Hanafiah.

### **4. PROGRAM GOTONG ROYONG**

Program gotong royong ini telah dijalankan pada 6hb Julai 2013 seminggu sebelum kedatangan bulan Ramadhan 1434H. Aktiviti gotong royong ini adalah merupakan aktiviti tahunan menjelang bulan ramadhan. Tujuan program gotong royong ini adalah untuk membersihkan Surau dan persekitaran bagi menyambut kedatang bulan Ramadhan yang mulia. Pada program kali ini, YB Chin Chen Cheh, wakil rakyat ADUN Kajang telah melapangkan masa untuk hadir serta beramah mesra dengan ahli jemaah.



## 5. SAMBUTAN BULAN RAMADHAN AI MUBARAK 1434H

Pada setiap tahun kedatangan bulan Ramadhan, Surau Al-Furqan akan merancang dan menyediakan program disamping solat tarawih dan witr yang dijalankan. Diantara pengisian pengisian program pada Ramadhan 1434H kali ini adalah seperti berikut:

- i. Tazkirah Ramadhan yang dijalankan selepas solat Witr dan kekerapan adalah dua (2) kali seminggu.
- ii. Tahliil Arwah selepas solat Isyak dan sebelum solat tarawih dijalankan.
- iii. Program Tadarus Al-Quran selepas selesai solat Witr dan Tazkirah.
- iv. Program Qiamullail pada sepuluh (10) malam terakhir Ramadhan yang dipimpin oleh Ustaz jemputan.
- v. Majlis Khatam Al-Quran



Majlis Khatam Quran bulan Ramadhan ini telah dijalankan pada 3hb Ogos 2013 bersamaan dengan 25 Ramadhan 1434H. Seramai 30 ahli Jemaah telah mengambil bahagian pada program kali ini. Ahli Jemaah akan diletak secara berkumpulan dan konsep tadarus telah dijalankan dimana baca, semakan serta terjemahan dibuat.

## 6. PROGRAM KULIAH ILMU HARIAN

Surau Al Furqan terus melaksanakan program kuliah ilmu setiap hari bagi meneruskan kesinambungan program-program yang telah diaturkan oleh ahli jawatankuasa terdahulu.



Program ilmu ini termasuk kuliah Suboh yang dijalankan pada setiap pagi Sabtu dan pagi Ahad. Walaubagaimanapun, tayangan video ceramah agama akan dibuat jika sekiranya ustaz yang dijadualkan tidak dapat hadir.

## 7. SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI 2013



Program Sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini telah diadakan pada 31hb Ogos 2013. Perkarangan Surau Al-Furqan dan Jalan 2 Taman Sekamat telah dijadikan tapak program.

Ahli Qariah telah bergotong royong bagi menyediakan juadah serta menerima sumbangan makanan untuk dihidangkan kepada hadirin. Jemaah juga menyumbang wang tunai untuk pembelian makanan.

Majlis telah diserikan dengan persembahan qasidah dari kumpulan Qasisah Al-Bazari yang mana ahlinya terdiri dari anak-anak qariah Taman Sekamat.



## 8. SAMBUTAN HARI RAYA QURBAN 1434H

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Surau Al-Furqan tidak ketinggalan telah menjalankan ibadah Qurban bagi memenuhi tuntutan agama bagi ahli qariah Taman Sekamat. Program Qurban ini telah dijalankan 10 Zulhijjah 1434H bersamaan 15hb Oktober 2013. Enam (6) ekor lembu telah diqurbankan pada tahun ini termasuk satu (1) ekor yang telah disumbangkan oleh En Johari. Setiap peserta Qurban telah menerima daging Qurban sebanyak 3.3 kg bagi setiap bahagian qurban manakala setiap bungkusan agihan daging korban sebanyak 900gram.





## 9. PROGRAM KELAS PENGAJIAN TAJWID

Program kelas pengajian Tajwid ini dijalankan pada setiap hari Isnin dan Selasa yang mana telah dipimpin oleh ahli Qariah Taman Sekamat sendiri iaitu Ustaz Mohd Yani Bin Zakaria. Kelas Tajwid ini adalah terbuka kepada semua ahli Qariah.

## 10. PROGRAM ZIARAH AHLI QARIAH TAMAN SEKAMAT YANG UZUR

Pada tahun ini, Ahli Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti ziarah ke rumah ahli-ahli qariah Taman Sekamat yang telah dikenalpasti uzur atau sakit. Tujuan ziarah ini adalah untuk melahirkan tanda kasih sayang dan perihatin sesama ahli qariah. Setiap kali ziarah dijalankan, Ahli Jawatankuasa akan menghulurkan suguhati sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja). Sehingga 30 Jun 2014, ahli-ahli Qariah Taman Sekamat yang diziarah adalah seperti berikut:

- i. Hj Borhan Idris, Jln 10 – 11 November 2013
- ii. Encik Md Ali Ab Rahman (Allahyarham), Jln 4–Sakit buah pinggang - 14 November 2013
- iii. Hj Ismail Harun, Jln 3 – Sakit Lelah – 12 Disember 2013
- iv. Hj Hashim Husin (Allahyarham), Jln 4- Kanser Darah – 20 Disember 2013
- v. Isteri Kol (B) Hj Akhbar Khan di Hospital Serdang

## 11. PROGRAM CERAMAH MAAL HIJRAH 1435H

Program ceramah Maal Hirah pada tahun ini telah dijalankan pada 13hb November 2013 dan telah disampaikan oleh Ustaz Dr Hj Nassaruddin Hussin.

## 12. PROGRAM BANTUAN AL-MASAKIN, KEDAH

Pada 13hb Julai 2013 , Surau Al-Furqan telah menjalankan aktiviti menyalurkan bantuan kepada penduduk miskin di kampung Padang Terap, Kedah melalui sumbangan barang-barang terpakai termasuk pakaian, barangan elektrik serta perabut. Disamping itu bahan makanan seperti beras, minyak masak, susu dan sebagainya turut disumbangkan oleh ahli Qariah



Tempoh seminggu telah diperuntukkan untuk proses pengumpulan kesemua sumbangan dan sambutan amat menggalakan telah diterima dari ahli qariah. Kesemua barangan ini telah diserahkan kepada Ustaz Hamizan, wakil badan kebajikan Al-MASAKIN kedah untuk diserahkan kepada penduduk-penduduk miskin Kampung Terap, Kedah.

### 13. PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1435H

Program Sambutan MaulidulRasul ini telah diadakan pada 14hb Januari 2014 bersamaan 12 Rabiulawal 1434H. Program sambutan diisi dengan aktiviti perarakan disekitar Taman Sekamat yang dipimpin oleh Tn Hj Osri, Ceramah Maulidurasul yang telah disampaikan oleh Ustaz Hj Hanafi serta persembahan Qasidah dari kumpulan Qasidah Al-Bushiri di mana ahli-ahlinya terdiri dari anak-anak Qariah Taman Sekamat.



Program sambutan Maulidur Rasul pada kali ini disertai kira-kira 300 orang ahli Qariah dari semua lapisan.



### 14. KUTIPAN DERMA MEMBANTU ANAK USTAZAH DAYANG SAFIAH BT HJ SULAIMAN

Kutipan derma kilat ini dijalankan pada bulan Disember 2013 bagi membantu Ustazah Dayang Safiah untuk merawat anak beliau yang mengalami penyakit Leukemia. Jumlah kutipan yang Berjaya diperolehi adalah berjumlah RM 750.00.



## **15. PROGRAM BANTUAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM PERIBADI MULIA TAMAN SEKAMAT**

Ahli Jawatankuasa Surau Al-Furqan telah menerima permohonan bantuan keperluan dari Rumah Anak Yatim Peribadi Mulia. Beberapa orang AJK yang diketuai oleh Pengerusi telah membuat tinjauan ke Rumah Anak Yatim ini untuk melihat keadaan sebenar serta mengenalpasti keperluan tambahan yang boleh disumbangkan oleh pihak surau, Setelah melihat segala kekurangan yang ada, AJK telah bersetuju untuk menyalurkan wang tunai berjumlah RM200.00 setiap bulan bagi menampung keperluan di rumah anak yatim ini. Saluran ini telah bermula dari bulan Disember 2013.

## **16. PROGRAM MERAIKAN JEMAAH HAJI 1434H**

Satu majlis meraikan bakal-bakal Jemaah Haji bagi ahli Qariah Taman Sekamat bagi tahun 1434H telah diadakan dengan pengisian program berupa bacaan Yasin, Doa Selamat dan Solat Hajat telah diadakan dan disusuli dengan penyampaian cenderahati berupa sepasang kain ihram untuk Jemaah lelaki dan sepasang telekung untuk Jemaah perempuan. Pada tahun ini seramai 7 orang Jemaah bakal menunaikan Fardhu Haji.

## **17. PROGRAM SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASIN**

Program solat hajat dan bacaan Yasin ini diadakan bagi memenuhi permintaan dari Guru Besar Sekolah Rendah Agama (SRA) Sungai Sekamat bagi mendoakan semua pelajar-pelajar dari anak qariah Taman Sekamat yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Rendah Agama pada tahun 2013. Selain dari memenuhi permintaan SRA Sungai Sekamat, ia juga merupakan program rutin tahunan Surau Al Furqan untuk mendoakan pelajar-pelajar dari kalangan anak-anak Qariah Taman Sekamat yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Sekitar 60 orang ahli Qariah telah mengambil bahagian dalam program solat hajat ini yang mana telah dipimpin oleh Imam Hj Kamaluddin.



## **18.DERMA KILAT UNTUK ADIK MOHD NUR IZZAT BIN RAMLAN**

Derma kilat ini telah dijalankan pada 10hb Mei 2014 bagi membantu salah seorang anak ahli qariah iaitu adik Mohd Nur Izzat Bin Ramlan, anak kepada Encik Ramlan yang akan melanjutkan pelajaran ke Jordan



Pelawaan kepada anak ahli Qariah untuk melanjutkan pelajaran ke Jordan ini telah diusahakan sendiri oleh Ustaz Dr. Ahmad Kamal. Beliau sendiri telah menguruskan pendaftaran dan membawa pelajar ke Jordan bagi tujuan pengajian. Derma kilat yang dijalankan berjaya mengutip sejumlah RM 880.00.

## **19.PEMBACAAN SURAH ALKAHFI**

Pembacaan Surah Al-Kahfi selain dari bacaan Surah Yasin pada malam Jumaat telah mula dijalankan pada Bulan Januari 2014. Bacaan Surah Al-Kahfi ini adalah cadangan dari AJK sendiri dan dijalankan pada setiap malam jumaat minggu terakhir pada setiap bulan.

## **20.BANTUAN KERJA DAKWAH KOMITE DAKWAH SUMATRA BARAT, PADANG**

Surau Al-Furqan telah dikunjungi oleh Komite Dakwah Sumatera Barat Padang Indonesia yang mana badan ini telah memfokuskan kerja-kerja dakwah mereka di kepulauan Mentawai Indonesia. Majoriti penduduk kepulauan Mentawai ini pada asalnya adalah beragama Islam. Walaubagaimanapun kebanyakan mereka telah dimurtadkan oleh gerakan pengkristianan. Pihak Surau Al-Furqan telah turut serta membantu Komite ini dengan memberi ruang kepada mereka menyampaikan penerangan aktiviti-aktiviti yang mereka jalan kepada Jemaah surau Al- Furqan bagi tujuan pengumpulan dana bagi membantu pergerakan kerja dakwah mereka. Sehingga Bulan Mei 2014, Komite Dakwah Sumatera ini telah berkunjung di Surau Al-Furqan ini sebanyak empat (4) kali.

- **Tamat Laporan** -